



**IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

**KENYATAAN
SEBUT HARGA NO. JBPM:SH/(S)/05/2021**

TAJUK KERJA: KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN SISTEM MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL (M&E) SECARA *COMPREHENSIVE* DI BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN, PUSAT PENYELIDIKAN KEBOMBAAN (PUSPEK) DI NILAI, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.


1. **Sebut Harga** adalah dipelawa dikalangan kontraktor-kontraktor tempatan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia CIDB/MOF dalam **Gred G2 Kategori M dan E pengkhususan M01, M02, M20, E04, E11, dan E32** dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang beralamat di **Negeri Selangor dan Negeri Sembilan** sahaja dibenarkan menyertai sebutharga ini.

2. Borang Sebut harga boleh didapati dari 02.02.2021 hingga 05.02.2021 semasa waktu pejabat di **Tingkat 1, Cawangan Pengurusan Kewangan, Unit Bajet dan Perolehan, Ibu Pejabat, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia, Lebuh Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya.**

3. Lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Taklimat dan skop kerja Sebut Harga boleh diperolehi di dalam dokumen yang akan diambil oleh pihak kontraktor.

4. Borang Sebut harga dalam bentuk salinan cetak (hard copy) yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada urusetia Sebut Harga di **Tingkat 1, Cawangan Pengurusan Kewangan, Ibu Pejabat, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia, Lebuh Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya** tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada 17.02.2021 hari Rabu.

5. Penyebut harga hendaklah mematuhi dan mengambil langkah-langkah Proaktif untuk sentiasa mencegah penularan wabak COVID-19 yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa bagi mematuhi Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan (Akta Polis 1967)


(**NUR HAFIZA BINTI AHAMAD NOH @ MOHD NOH**)
b/p Ketua Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Tarikh: 29 Januari 2021